

Literatur Bersistematik Terhadap Perbezaan Gender Dalam Ketidakpuasan Tubuh Badan

A Systematic Review On Gender Differences In Body Dissatisfaction

Sofie Nursafia Janum¹, Nor Ba'yah Abdul Kadir² & Siti Marziah Zakaria³

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
2 FEBRUARI 2019	10 APRIL 2019	22 JULAI 2019

ABSTRAK

Lazimnya, ketidakpuasan tubuh badan adalah isu psikologi yang dikaitkan dengan wanita. Kajian-kajian lepas yang diteliti secara bersistematik ini adalah berkaitan dengan perbezaan antara lelaki dan perempuan terhadap ketidakpuasan tubuh badan. Sebanyak satu pangkalan data elektronik yang digunakan iaitu Ebscohost untuk mencari artikel yang diterbitkan antara tahun 2008-2018 dan berbahasa Inggeris. Data-data telah diekstrak dan dinilai berdasarkan kriteria yang diperlukan. Daripada 14,407 rekod yang dikenalpasti, 22 artikel yang memenuhi kriteria yang menilai tentang ketidakpuasan tubuh badan. Kajian literatur bersistematik ini menilai kesemua peringkat umur daripada kanak-kanak sehingga dewasa tua dan kesemua kajian-kajian yang dipilih menggunakan soal selidik. Hasil kajian-kajian ini menunjukkan banyak kajian yang terdapat perbezaan antara lelaki dan wanita terhadap ketidakpuasan tubuh badan yang mana wanita menunjukkan skor yang lebih tinggi terhadap ketidakpuasan tubuh badan berbanding lelaki.

Kata kunci: *ketidakpuasan tubuh badan, imej negatif tubuh badan, gender, lelaki, perempuan*

ABSTRACT

Commonly, body dissatisfaction can be considered as a woman's psychological issue. A systematic review of previous studies between 2008-2018 was related to gender differences between males and females on body dissatisfaction. The search engine of electronic data such as EBSCOhost was used to search published English articles between 2008 and 2018. The articles were extracted and evaluated based on certain criteria. Of 14,407 articles, only 22 articles have been identified to meet the study criteria. This systematic review evaluates all stages of ages from childhood to adulthood and most of the studies have used self-report measures to measure body dissatisfaction. Results showed that there are differences in body dissatisfaction between males and females where females have shown a high level of body dissatisfaction than that of males.

¹ Sofie Nursafia Janum. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Email: sofienursafia@gmail.com

² Prof. Madya Dr Nor Ba'yah Abdul Kadir. Pensyarah DS54. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Email: aknbayah@ukm.edu.my

³ Dr Siti Marziah Zakaria. Pensyarah DS51. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Email: marziah@ukm.edu.my

Keywords: *body dissatisfaction, body negative image, gender, male, female*

Pengenalan

Kajian tentang ketidakpuasan tubuh badan bukanlah merupakan satu kajian baru atau novel sehingga mencetuskan satu fenomena sosial yang paling kritikal tetapi ia relevan dengan keperluan sosial dan psikologikal manusia. Sehingga kini, hampir semua kajian ketidakpuasan tubuh badan telah mengenal pasti faedah dan implikasi kajian ke atas individu, masyarakat dan budaya. Sungguhpun, kajian-kajian ketidakpuasan tubuh badan banyak menumpukan kepada kecelaruan pemakanan namun kajian-kajian lepas berkaitan dengan perbezaan gender masih terhad. Justeru itu, kajian literatur bersistematik ini bertujuan untuk meneliti kajian-kajian empirikal yang berkaitan dengan ketidakpuasan tubuh badan mengikut gender.

Lazimnya, ketidakpuasan tubuh atau imej badan negatif berkorelasi dengan faktor psikologi (Thompson & Stice, 2001) dan budaya (Ricciardelli & McCabe, 2004). Asas ketidakpuasan tubuh badan dibentuk oleh pemikiran negatif (Verplanken & Velsvik, 2008) dan keperihatinan (Dohnt & Tiggemann, 2006) terhadap penampilan diri. Semakin usia meningkat, semakin berasa tidakpuas hati terhadap imej tubuh badan terutamanya semasa awal remaja (Littleton & Ollendick, 2003). Saiz tubuh dan berat badan misalnya perlu memenuhi ideal budaya sehingga ramai kanak-kanak dan remaja memilih untuk kekal langsing agar diterima oleh rakan sebaya mereka (Lawler & Nixon, 2011). Selari dengan teori sosio-budaya yang menjelaskan bahawa masyarakat memainkan peranan penting dalam mempromosi budaya penampilan yang menyerlahkan daya tarikan fizikal bagi golongan lelaki dan wanita (Keery et al., 2004; Grogan, 2008). Tambahan pula, kajian lepas turut melaporkan bahawa standard kecantikan wanita menyebabkan ramai wanita tertekan (Tiggemann, 2004; Lewis, Medvedev, & Seponski, 2011). Bagaimanapun, bagi sesetengah wanita, imej tubuh badan menjadi kurang penting apabila mereka semakin berumur (Tiggemann & Lynch, 2001) manakala tiada laporan kajian lepas yang menjelaskan faktor yang mungkin mempengaruhi lelaki pertengahan umur dalam mencapai kepuasan imej tubuh badan (Robinson & Wright, 2013) dan menyumbang masalah pemakanan (Boisvert & Harrell, 2012). Oleh itu, kajian literatur bersistematik ini bertujuan untuk menganalisis kajian-kajian empirikal yang berkaitan dengan perbezaan ketidakpuasan tubuh badan berdasarkan gender.


Metod

Strategi pencarian

Artikel yang dikumpulkan adalah melalui carian enjin menggunakan elektronik yang dijalankan dengan menggunakan EBSCOHOST. Data yang dicari di EBSCOHOST hanyalah data yang diterbitkan dan mempunyai teks penuh sahaja. Carian termasuklah artikel yang diterbitkan daripada tahun 2008-2018. Bagi mendapatkan artikel yang relevan dengan tajuk yang ingin dikaji, istilah carian berikut digunakan: “body dissatisfaction”, “negative body image” dan “gender differences”. Dalam setiap pencarian enjin, istilah tersebut digabungkan dengan istilah yang berkaitan dengan menggunakan perkataan ‘AND’.

Pemilihan kriteria inklusi dan eksklusi

Artikel yang dipilih adalah artikel yang berkenaan dengan perbezaan ketidakpuasan tubuh badan antara lelaki dan perempuan. Artikel yang tidak meneroka tentang ketidakpuasan badan sebagai hasil utama tetapi terdapat pengukuran tentang ketidakpuasan tubuh badan juga dimasukkan. Seterusnya, kajian yang menggunakan bahasa Inggeris sahaja dianggap memenuhi kriteria. Dalam pada itu, kajian ini hanya mengambil artikel yang diterbitkan daripada tahun 2008-2018 iaitu literatur bersistematik dalam tempoh 10 tahun. Reka bentuk kajian juga hanya menggunakan soal selidik dan artikel yang dipilih hanya artikel yang ditulis dalam Bahasa Inggeris.



Rajah 1: Strategi pencarian artikel jurnal

Artikel yang dikecualikan adalah kajian yang tidak menggunakan soal selidik seperti kajian yang menggunakan eksperimen, kajian kes dan kajian kualitatif. Dalam pada itu, artikel yang hanya memberi tumpuan kepada satu jantina sahaja juga dikeluarkan kerana kajian ini menfokuskan kepada perbezaan jantina antara lelaki dan perempuan. Artikel yang menggunakan selain daripada Bahasa Inggeris juga dikeluarkan.

Rajah 1 menunjukkan proses ulasan kajian dan pemilihan dimulakan dengan meletakkan pada ruang pencarian “body dissatisfaction”, dan “gender differences” secara general. Sebanyak 14,407 data kajian yang tertera. Kemudian, penyelidik meletakkan diruang pencarian untuk mencari kajian yang mempunyai tajuk “body dissatisfaction” dan “gender differences” secara general, terdapat sebanyak 188 kajian. Namun, sebanyak 32 artikel dikeluarkan kerana tidak mempunyai teks penuh. Oleh itu, hanya sebanyak 156 artikel yang memiliki teks penuh. Walau bagaimanapun, apabila data kajian diekstrak untuk memilih artikel yang diterbitkan pada tahun 2008-2018, hanya sebanyak 98 artikel sahaja yang memenuhi kriteria kajian.

Artikel dikeluarkan kerana dua artikel adalah duplikasi dan majalah popular, 58 artikel diterbitkan di luar tahun kajian literatur 2008-2018 dan 10 artikel tidak menggunakan Bahasa Inggeris. Sebanyak 79 penerbitan artikel yang telah dikenal relevan dengan tujuan kajian ini. Daripada 79 artikel, hanya 22 artikel dipilih dalam ulasan kajian sistematik ini.

Pengukuran ketidakpuasan tubuh badan

Beberapa alat ujian yang digunakan untuk mengukur imej tubuh badan dalam kajian sistematik ini untuk mengukur ketidakpuasan badan iaitu Eating Disorders Inventory-2, Multidimensional Body Self Relations Questionnaire. Multidimensional Body-Self Relations Questionnaire–Appearance Scales (MBSRQ-AS), Appearance Evaluation (AE), Appearance Orientation (AO), Overweight Preoccupation (OWP), Self-Classified Weight (SCW), Body Areas Satisfaction Scale (BASS), Stunkard visual figures, BIAS-BD Scale, Body Image Dissatisfaction subscale of the Body Image and Body Change Inventory, Contour Drawing Rating Scale, Satisfaction and Dissatisfaction with Body Parts Scale, Body Dissatisfaction Measure, Eating Disorder Inventory, Figure Rating Scale, Children’s Body Image Scale, Modified Stunkard Body Rate Scale atau Collons Body Image Measure.

Keputusan kajian

Kajian paling lama yang telah diterbitkan dalam kajian sistematik ini adalah pada 2009 (Farrow & Tarrant, 2009) dan kajian terbaru yang diterbitkan pada tahun 2017 (Baskova, Holubcikova & Baska, 2017). Daripada 22 kajian yang memenuhi kriteria untuk dimasukkan dalam kajian sistematik ini, sebanyak 10 kajian yang memberi tumpuan kepada ketidakpuasan tubuh badan (McGuinness & Taylor, 2016; Cheung et al., 2011; Gardner & Brown, 2011; Lawler & Nixon, 2011; Makinen et al., 2012; Verplanken & Tangelder, 2011; Wang et al., 2009; Coelho et al., 2016; Fung et al., 2010; Farrow & Tarrant, 2009) manakala sebanyak enam kajian yang mengkaji faktor gender dan faktor-faktor lain terhadap ketidakpuasan tubuh badan seperti faktor bangsa, umur, kategori berat badan dan etnik (Dye, 2016; Baskova et al., 2017; Esnaola et al., 2010; Chen & Jackson, 2012; Menon & Demaray, 2013; Olvera et al., 2014). Terdapat dua kajian yang mengkaji tentang hubungan ketidakpuasan tubuh badan dan gangguan makan (Gongora, 2014; Rodgers et al., 2009). Selain itu, terdapat dua kajian pula meneliti pengaruh budaya terhadap ketidakpuasan tubuh badan (Fuller-tyszkiewicz et al., 2012; Brokhoff et al., 2012) manakala dua kajian lagi mengkaji tentang peranan galakan ibu bapa terhadap ketidakpuasan tubuh badan anak-anak (Anschutz et al., 2009; Armstrong et al., 2015).

Seterusnya, pelbagai peringkat kategori sampel yang diberi tumpuan dalam kajian iaitu kanak-kanak atau pra remaja, remaja, peringkat dewasa yang terdiri daripada peringkat dewasa muda, dewasa pertengahan dan dewasa tua. Sebanyak tiga kajian yang memberi

tumpuan terhadap peringkat kanak-kanak atau remaja berkenaan dengan ketidakpuasan tubuh badan (Anschutz et al., 2009; Menon & Demaray, 2013; Olvera et al., 2014). Peringkat perkembangan manusia yang paling banyak dikaji berkaitan dengan ketidakpuasan tubuh badan adalah peringkat remaja iaitu sebanyak 11 kajian (Gongora, 2016; Baskova et al., 2017; Farrow & Tarrant, 2009; Fuller-tyszkiewicz et al., 2012; Rodgers et al., 2009; Lawler & Nixon, 2011; Chen & Jackson, 2012; Brokhoff et al., 2012; Makinen et al., 2012; Fung et al., 2010; Coelho et al., 2016) dan lima daripada kajian tersebut menggunakan pelajar sekolah. Dalam pada itu, sebanyak dua kajian yang menggunakan sampel peringkat remaja dan dewasa (Wang et al., 2009; Armstrong et al., 2015). Seterusnya, sebanyak empat kajian yang memberi tumpuan terhadap peringkat dewasa. Dua daripadanya memberi tumpuan kepada dewasa muda (Cheung et al., 2011; Gardner & Brown, 2011), satu memberi fokus kepada dewasa pertengahan (McGuinness & Taylor, 2016) manakala satu kajian menggunakan sampel dewasa muda dan dewasa pertengahan (Verplanken & Tangelder, 2011). Akhir sekali, sebanyak dua kajian yang mengkaji daripada peringkat remaja sehingga dewasa tua (Dye, 2016; Esnaola et al., 2010).

Dari segi alat ujian kajian, semua kajian-kajian tersebut menggunakan soal selidik untuk mengukur ketidakpuasan tubuh badan. Dalam pada itu, kesemua kajian yang dipilih menyatakan bilangan sampel mengikut gender lelaki dan perempuan namun hanya satu kajian yang tidak menyatakan bilangan berdasarkan gender namun menyatakan bilangan berdasarkan BMI (Farrow & Tarrant, 2009). Dalam pada itu, umur yang digunakan dalam kajian ini pelbagai umur kerana kriteria yang dimasukkan adalah tidak mengira umur sampel yang digunakan. Ia bergantung kepada kajian yang dijalankan sama ada memberi tumpuan kepada peringkat perkembangan manusia seperti kanak-kanak, remaja atau peringkat dewasa sehingga mencecah umur 66 tahun (Esnaola et al., 2010).

Perbincangan dan Kesimpulan

Keputusan yang diulas dalam kajian-kajian yang dimasukkan dalam kajian sistematik ini adalah berdasarkan peringkat perkembangan manusia. Terdapat hanya sedikit kajian yang dijalankan terhadap kanak-kanak atau pra remaja tentang ketidakpuasan badan. Hasil ketidakpuasan badan dalam kalangan kanak-kanak menunjukkan bahawa kanak-kanak perempuan lebih cenderung untuk tidak berpuas hati dengan badan mereka berbanding lelaki namun tiada perbezaan yang signifikan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan terhadap ketidakpuasan badan (Anschutz et al., 2009). Namun menurut Menon dan Demaray (2013), kanak-kanak yang berlebihan berat badan akan melaporkan lebih tinggi tahap ketidakpuasan terhadap badan berbanding dengan kanak-kanak yang normal dengan perempuan lebih tinggi tahap ketidakpuasan badan. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian melaporkan bahawa tiada kesan utama gender terhadap ketidakpuasan badan (Olvera et al., 2014; Menon & Demaray, 2013).

Hampir keseluruhan kajian yang melibatkan remaja menunjukkan bahawa remaja perempuan melaporkan ketidakpuasan badan dan mengganggu imej badan negatif lebih tinggi daripada lelaki. Daripada 11 kajian yang menggunakan sampel remaja sahaja menunjukkan bahawa terdapat lapan kajian yang menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan terhadap ketidakpuasan badan (Baskova et al.,

2017; Farrow & Tarrant, 2009; Lawler & Nixon, 2011; Makinen et al., 2012; Fung et al., 2010) yang mana perempuan menunjukkan percanggahan yang lebih besar diantara bentuk dan saiz badan semasa dengan ideal. Namun, Fuller-tyszkiewicz et al. (2012) yang mengkaji tentang kepuasan badan mengikut budaya iaitu Australia, Chile, Greece, indi-Fiji, Indo-Fiji, Malaysia dan Tonga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan jantina yang signifikan dalam kepuasan badan terhadap semua budaya kecuali Malaysia.

Dalam pada itu, Rodgers et al. (2008) dan Chen dan Jackson (2012) menunjukkan terdapat kesan utama gender terhadap kepuasan badan dengan perempuan lebih tinggi tahap ketidakpuasan badan berbanding lelaki. Walau bagaimanapun, terdapat tiga kajian yang menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang ketara antara lelaki dan perempuan dalam ketidakpuasan badan (Gongora, 2014; Brokhoff et al., 2012). Menurut Armstrong et al. (2015) juga menyatakan bahawa gender tidak berkaitan dengan kepuasan badan.

Seterusnya, terdapat dua kajian yang menggunakan sampel dewasa muda dan kedua-dua kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat perbezaan lelaki dan perempuan terhadap ketidakpuasan bentuk badan dengan perempuan cenderung lebih tidak berpuas hati berbanding lelaki (Cheung et al., 2011; Gardner & Brown, 2011). Manakala kajian oleh McGuinness dan Taylor (2016) yang menggunakan sampel dewasa pertengahan menunjukkan dewasa pertengahan lelaki mempunyai tahap kepuasan yang tinggi terhadap saiz dan/atau penampilan berbanding dengan dewasa pertengahan wanita. Manakala Esnaola et al. (2010) yang mengkaji tentang ketidakpuasan badan dalam peringkat remaja sehingga dewasa tua menunjukkan bahawa perempuan melaporkan ketidakpuasan badan yang lebih tinggi daripada lelaki di semua peringkat umur (remaja) $t(624) = 8.998, p = .001$; dewasa muda $t(269) = 4.190, p = .001$; dewasa pertengahan $t(243) = 5.222, p = .001$; dan dewasa tua $t(107) = 2.789, p = .006$. Secara umum, wanita melaporkan ketidakpuasan badan yang jauh lebih tinggi daripada lelaki dalam kehidupannya.

Namun terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa wanita yang lebih tua kurang dipengaruhi oleh tekanan sosiobudaya, jadi mereka lebih cenderung melihat diri mereka dengan kurang ketidakpuasan badan dan lebih bahagia (Esnaola et al., 2010). Ia juga ditemui bahawa wanita yang lebih tua menentang preskripsi sosiobudaya mengenai daya tarikan dan berpendapat bahawa disebabkan usia mereka, mereka harus berhenti bimbang tentang penampilan fizikal. Walau bagaimanapun, ketidakpuasan badan dan tekanan faktor sosiobudaya masih terjadi apabila usia semakin meningkat. Orang dewasa yang lebih tua kurang merasakan ketidakpuasan badan dan tekanan sosial berbanding orang dewasa yang lebih muda.

Kesimpulan, kajian sistematik adalah keperluan penyelidik untuk memahami dengan jelas tentang ketidakpuasan tubuh badan antara lelaki dan perempuan. Kajian sistematik ini menunjukkan bahawa kebanyakan artikel menyatakan terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan terhadap ketidakpuasan badan tidak kira peringkat umur. Keputusan menunjukkan bahawa perempuan dalam semua peringkat umur iaitu peringkat kanak-kanak, remaja dan dewasa lebih tinggi dalam ketidakpuasan badan berbanding lelaki. Dalam pada itu, banyak kajian hanya memberi tumpuan kepada peringkat remaja namun sangat sedikit kajian yang mengkaji peringkat kanak-kanak dan dewasa terhadap ketidakpuasan badan.

Untuk meningkatkan kefahaman tentang imej badan ketidakpuasan tubuh badan, lebih banyak penyelidikan yang perlu dilakukan.

Jadual 1: Ringkasan ciri-ciri dan hasil kajian tentang artikel yang dimasukkan dalam ulasan kajian sistematik.

Penulis (Tahun)	Objektif	Jumlah responden	Taburan gender	Umur (min umur)	Pengukuran ketidakpuasan badan	Skor min ketidakpuasan badan	Keputusan kajian
Dye (2016)	Perbezaan dalam gender, bangsa dan umur mengenai ketidakpuasan badan	316 Pelajar kolej	Lelaki=121 Perempuan=195	17-60 tahun (21.64 tahun)	Multidimensional Body Self Relations Questionnaire (MBSRQ)	Lelaki=3.59 Perempuan=3.4	Tiada perbezaan antara lelaki dan perempuan berkenaan ketidakpuasan badan ($t=1.75$, $k > 0.05$).
Góngora (2014)	Mengkaji tentang hubungan antara tiga faktor perlindungan yang berpotensi: Kepuasan hidup, tiga laluan untuk kesejahteraan dan makna dalam kehidupan, dan simptom gangguan makan dan ketidakpuasan badan dalam remaja lelaki dan wanita	247 Remaja sekolah	Lelaki=110 Perempuan=137	13-18 tahun (15.47 tahun)	Eating Disorders Inventory-2 (EDI-2)	Lelaki=7.04 Perempuan=11.40	Tiada perbezaan yang ketara antara lelaki dan perempuan dalam ketidakpuasan badan ($t=-5.46$, $k < 0.001$)
Baskova, Holubcikova & Baska (2017)	Mengkaji ketidakpuasan imej badan dalam remaja umur 13-15 untuk diet dan untuk menilai perbezaan gender dan umur dalam tingkah laku pengurangan berat badan dalam kalangan remaja Slovakia	2765 Remaja sekolah	Lelaki=1402 Perempuan=1363	13-15 tahun (14.37)	Imej badan diukur menggunakan soalan daripada protokol penyelidikan piawai untuk kajian 2014 WHO-kolaborasi HBSC	-	Perempuan lebih cenderung daripada lelaki untuk melaporkan imej badan yang negatif (kerana merasa terlalu gemuk), untuk menjalani diet dan berlatih berdiet, kecuali mereka yang menghadkan diet kepada kumpulan makanan, merokok dan muntah, menjalani diet di bawah pengawasan, dan menggunakan pil atau julap.
McGuinness & Taylor (2016)	Memahami ketidakpuasan imej badan gangguan makan dalam pertengahan dewasa	235 Dewasa pertengahan	Lelaki=48 Perempuan=187	30-60 tahun (44.60 tahun) umur	Multidimensional Body-Self Relations Questionnaire – Appearance Scales (MBSRQ-AS)	Lelaki=3.49 Perempuan=3.00	Dewasa pertengahan lelaki menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap saiz dan/atau penampilan berbanding dengan dewasa pertengahan wanita, $F_{(1,228)} = 15.94$, $k = 0.001$
Farrow & Tarrant (2009)	Menilai kesan pengalaman diskriminasi berdasarkan berat badan atas makan beremosi dan ketidakpuasan badan dan juga meneroka sama ada orang percaya tentang dalam kumpulan konsensus sosial	198	Tidak dinyatakan	16-24 tahun	Eating Disorders Inventory-2	Lelaki=0.64 Perempuan=1.20	Responden perempuan melaporkan ketidakpuasan badan lebih tinggi daripada lelaki, $t_{(126)} = -5.33$, $k < 0.01$

Cheung, Lee, Ho, Li, Lam, Fan & Yip (2011)	Mengkaji kelaziman ketidakpuasan bentuk badan dan meneroka hubungannya dengan status berat badan, tahap pendidikan dan penentu lain dalam kalangan dewasa muda di Hong Kong.	1205 Dewasa muda	Lelaki=611 Perempuan=594	18-27 tahun (22 tahun)	Stunkard visual figures	-	Ketidakpuasan bentuk badan didapati lebih tinggi bagi wanita berbanding lelaki, $t=11.065$, $k> 0.01$
Gardner & Brown (2011)	Mengkaji semakan Gardner, Jappe, dan Gardner (2009) BIAS-BD figural drawing scale	330 Pelajar universiti	Lelaki=131 Perempuan=199	23.1 tahun	Revised figural drawing scale of BIAS-BD scale	-	2×2 ANOVA menunjukkan, wanita mempunyai ketidakpuasan badan yang lebih besar daripada lelaki, $F_{(1,322)}=34.61$, $k<0.001$ ($d = 0.56$ Cohen)
Fuller-tyszkiewicz, Skouteris, McCabe, Mussap, Mellor & Ricciardelli (2012)	Menilai kesetaraan berasaskan gender dan kesetaraan silang budaya.	3407	694 Australian (Lelaki=326; perempuan=368) 318 Chilean (lelaki=103; perempuan=215) 641 Greek (lelaki=302; perempuan=339) 627 Indigenous Fijian (lelaki=290; perempuan=337) 513 Malaysia (lelaki=153; perempuan=360) 614 Indo-Fijian (lelaki=283; perempuan=331) 598 remaja Tongan (lelaki=301; perempuan=297)	10-19 tahun (14.23) (15.64) (14.17) (16.21) (15.25) (13.88) (15.02)	Revised five-item version of the Body Image Dissatisfaction subscale of the Body Image and Body Change Inventory	Lelaki=1.30 Perempuan=1.95 Lelaki=1.13 Perempuan=1.76 Lelaki=1.18 Perempuan=1.38 Lelaki=1.44 Perempuan=1.17 Lelaki=1.54 Perempuan=1.93 Lelaki=2.00 Perempuan=1.72 Lelaki=1.40 Perempuan=1.71	Ujian T mengesahkan bahawa perbezaan jantina dalam ketidakpuasan badan adalah signifikan untuk semua budaya kecuali Malaysia.

Esnaola, Rodriguez & Goni (2010)	Meneliti perbezaan jantina dan umur mengenai imej badan.	1259 627 remaja 272 Dewasa muda 248 Dewasa pertengahan 112 Dewasa tua	300 lelaki, 327 perempuan 121 lelaki 151 perempuan 96 lelaki 152 perempuan 40 lelaki 72 perempuan	12-18 tahun (15.33) 19-30 tahun (22.50) 31-49 tahun (39.88) 55-66 tahun (60.36)	Eating Disorder Inventory (EDI-2) hanya subskala ketidakpuasan badan	Min untuk ketidakpuasan badan -Remaja (M lelaki = 3.84 M perempuan= 8.50) -Dewasa muda (M lelaki = 3.74 M perempuan= 6.99) -Dewasa pertengahan (M lelaki = 2.52 M perempuan= 6.23) -Dewasa tua (M lelaki = 3.42 M perempuan= 6.19)	Wanita melaporkan ketidakpuasan badan yang lebih tinggi daripada lelaki pada semua peringkat umur (remaja) $t_{(624)}=8.998$, $k=0.001$; dewasa muda $t_{(269)}=4.190$, $k=0.001$; dewasa pertengahan $t_{(243)}=5.222$, $k=0.001$; dan dewasa tua $t_{(107)}=2.789$, $k=0.006$.
Rodgers, Faure, & Chabrol (2009)	Meneroka perbezaan jantina dalam hubungan antara pengaruh ibu bapa dan ketidakpuasan badan dan gangguan makan dalam kalangan anak.	601 Pelajar	Lelaki=221 Perempuan=380	Lelaki=16.10 Perempuan=16.00	Eating Disorders Inventory-II (EDI-II)	Lelaki=5.53 Perempuan=10.16	Terdapat perbezaan jantina yang signifikan terhadap gabungan pembolehubah bersandar gabungan, $F_{(14, 504)}=13.90$, $k<0.001$
Lawler & Nixon (2011)	Mengkaji sumbangan jisim badan, perbincangan penampilan dengan rakan-rakan, kritikan penampilan rakan sebaya dan penampilan ideal kepada ketidakpuasan badan di kalangan remaja.	239 Remaja sekolah menengah	Lelaki=111 Perempuan=129	16 tahun	The Contour Drawing Rating Scale (CDRS)	Lelaki= 0.20 Perempuan= 1.36	Perempuan mencatatkan peningkatan yang jauh lebih tinggi daripada lelaki dalam ketidakpuasan badan, $t=-7.16$, $k<0.001$
Chen & Jackson (2012)	Perbezaan gender dan kumpulan umur dalam pengaruh media dan interpersonal terhadap ketidakpuasan badan di kalangan remaja awal dan pertengahan yang tinggal di Chongqing, China.	1399	Lelaki=661 Perempuan=738	14.17 tahun	Satisfaction and Dissatisfaction with Body Parts Scale	Lelaki gred 7=14.20 Lelaki gred 10=16.34 Perempuan gred 7=17.97 Perempuan gred 10=21.83	Terdapat kesan utama gender terhadap ketidakpuasan badan, $F_{(1, 1392)}=184.57$, $k<0.001$

Brokhoff, Mussap, Mellor, Skouteris, Ricciardelli, McCabe & Fuller-Tyszkiewicz (2012)	Mengkaji pengaruh budaya pada imej tubuh mereka dan tingkah laku perubahan tubuh.	232 pelajar sekolah menengah	Lelaki=99 Perempuan=133	13-18 tahun (15.9 tahun)	Body Dissatisfaction Measure	Lelaki=3.07 Perempuan=3.74	Tiada perbezaan jantina dalam ketidakpuasan badan selepas mengawal BMI.
Mäkinen, Puukko-Viertomies, Lindberg, Siimes & Aalberg (2012)	Mengkaji ketidakpuasan badan dan hubungannya dengan jisim badan, serta penghargaan sendiri dan tabiat makan, pada kanak-kanak perempuan dan lelaki dalam peralihan dari awal hingga pertengahan remaja.	1343	Lelaki=693 Perempuan=650	(14.5 tahun)	Eating Disorder Inventory (EDI)	Lelaki = 18.9 Perempuan=30.6	Cohen $d = 1.1$ Cohen's $d =$ besar Perempuan menyatakan kepuasan dengan tubuh mereka apabila mereka kurang berat badan, lebih tidak berpuas hati apabila mereka mempunyai berat badan yang normal dan paling tidak berpuas hati apabila mereka mempunyai berat badan yang berlebihan. Lelaki menyatakan kepuasan yang paling tinggi apabila mereka kurang berat dan paling tidak berpuas hati apabila mereka mempunyai berat badan yang berlebihan.
Fung, Stewart, Ho, Wong & Lam (2010)	Mengkaji hubungan antara ketidakpuasan badan dan gejala depresi, dan hubungan penilaian ibu terhadap figura remaja, terhadap ketidakpuasan badan dan gejala depresi remaja.	633	Lelaki=379 perempuan =254	11-22 tahun	Figure Rating Scale	Lelaki = 4.25 Remaja bentuk dan saiz badan ideal=4.15 Perempuan=3.55 Remaja bentuk dan saiz badan ideal=3.13	Ujian T untuk jantina menunjukkan bahawa perempuan menunjukkan percanggahan yang jauh lebih besar di antara bentuk dan saiz badan yang dirasakan dengan yang ideal, $F_{(1, 628)}=9.99, k<0.01$
Anschutz, Kanters, Strien, Vermulst & Engels (2009)	Menguji hubungan antara kebimbangan berat badan oleh ibu dan galakan ibu untuk kurus seperti yang dilihat oleh kanak-kanak, sekatan dan ketidakpuasan badan dalam kanak-kanak muda	501 kanak-kanak	Lelaki=242 Perempuan=259	7-10 tahun (8.27)	The Children Figure Rating Scale	Lelaki= 0.54 Perempuan= 0.59	Tiada perbezaan yang signifikan ketidakpuasan badan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan

Verplanken & Tangelder (2011)	Kepentingan pemikiran negatif yang biasa tentang penampilan tentang ketidakpuasan badan, kecenderungan gangguan makan, penghargaan sendiri dan makan snek	303 pelajar	Lelaki=151 lelaki Perempuan=152	19-40 tahun (24.00)	Explicit body dissatisfaction menggunakan Body Areas Satisfaction Scale Implicit body dissatisfaction menggunakan implicit association test	Lelaki=3.07 Perempuan=-3.25 Lelaki=-0.80 Perempuan=-0.77	Tiada perbezaan gender antara explicit dan implicit ketidakpuasan badan
Wang, Liang & Chen (2009)	Mengkaji tentang indeks jisim badan, persepsi berat badan, ketidakpuasan dan amalan kawalan dalam remaja Amerika Afrika berpendapatan rendah dan tinggl dibandar.	448 remaja	Lelaki=196 Perempuan=252	(11.90)	Persepsi berat badan dan ketidakpuasan dinilai menggunakan dua soalan: a) "How do you describe your body weight?" b) "I feel bad about myself because of my weight"	Perempuan lebih cenderung untuk menyatakan ketidakpuasan berat daripada lelaki	Perempuan adalah dua kali ganda lebih daripada lelaki berasa ketidakpuasan (30.6% vs 15.9%). Perempuan yang mempunyai berat badan berlebihan lebih cenderung tidak berpuas hati berbanding lelaki.
Armstrong, Gowey, Dumont-Driscoll & Janicke (2015)	Mengkaji hubungan antara berat kanak-kanak, galakan bapa terhadap diet dan ketidakpuasan badan anak disederhanakan oleh jantina anak.	96	Lelaki=46.9% Perempuan=53.1%	8-17 tahun (11.67)	The Children's Body Image Scale	Lelaki=0.608 Perempuan =0.946	Kanak-kanak lelaki dan perempuan tidak mempunyai perbezaan yang dilaporkan terhadap ketidakpuasan badan, $t_{(94)} = 0.77$, $k = 0.44$
Coelho, Fonseca, Pinto & Mourão-Carvalho (2016)	Menentukan kelaziman ketidakpuasan imej badan dan faktor yang berkaitan dalam remaja Portugis	529	Lelaki=284 Perempuan=245	10-18 tahun	Stunkard Body Rate Scale	-	Gender tidak berkaitan dengan ketidakpuasan badan
Menon & Demaray (2013)	Mengkaji tentang perbezaan kategori berat badan dan gender dalam persepsi ketidakpuasan saiz badan, persepsi sokongan sosial berkaitan tingkah laku kesihatan dan ketidakpuasan badan dalam kanak-kanak lelaki dan perempuan.	121 pelajar sekolah rendah	Lelaki=67 Perempuan=54	Tidak dinyatakan tetapi hanya nyatakan gred tiga, gred empat dan gred lima	Collins Body Image measure	Sihat: Lelaki= -0.07 Perempuan=0.29 Berat badan berlebihan: Lelaki=0.55 Perempuan= 0.69 Obes: Lelaki=1.50 Perempuan=1.43	Kesan utama kategori berat adalah signifikan, $F_{(2, 120)} = 16.26$, $k < 0.001$. Kesan utama terhadap gender adalah tidak signifikan dan interaksi tidak signifikan antara kategori berat dan gender

Olvera, McCarler, Rodriguez, Noor & Hernandez-Valero (2014)	Menilai perbezaan etnik dan jantina dalam saiz badan yang ideal, ketidakpuasan badan (BD), dan hubungan antara BD dan pelbagai peramal	190 pra remaja	Lelaki=87 Perempuan=103	10-13 tahun (11.90)	Figure Rating Scale	Lelaki=0.31 Perempuan=0.45	Kesan utama tentang gender diperhatikan dimana perempuan memilih angka figura yang lebih kecil daripada lelaki, $F_{(1, 186)}=9.86$, $k= 0.002$
---	--	----------------	----------------------------	------------------------	---------------------	-------------------------------	--

Rujukan

- Anschutz, D. J., Kanters, L. J. A., Strien, T. V., Vermulst, A. A., & Engels, R. C. M. E. (2009). Maternal behaviors and restrained eating and body dissatisfaction in young children. *International Journal Eating Disorder*, *42*, 54-61.
- Armstrong, B., Gowey, M. A., Dumont-Driscoll, M., & Janicke, D. M. (2015). The moderating effects of gender on paternal encouragement to diet and body dissatisfaction in youth. *Children's Health Care*, *44*, 353-367.
- Bašková, M., Holubčíková, J., & Baška, T. (2017). Body-image dissatisfaction and weight-control behaviour in Slovak adolescents. *Cent Eur J Public Health*, *25*(3), 216-221.
- Boisvert, J. A., & Harrell, W. A. (2012). Ethnicity and spirituality as risk factors for eating disorder symptomatology in men. *International Journal of Men's Health*, *11*(1), 36-62.
- Brokhoff, M., Mussap, A. J., Mellor, D., Skouteris, H., Ricciardelli, L. A., McCabe, M. P., & Fuller-Tyszkiewicz, M. (2012). Cultural influences on body dissatisfaction, body change behaviours, and disordered eating of Japanese adolescents. *Asian Journal of Social Psychology*, *15*(4), 238-248.
- Chen, H., & Jackson, T. (2012). Gender and age group differences in mass media and interpersonal influences on body dissatisfaction among Chinese adolescents. *Sex Roles*, *66*, 3-20.
- Cheung, Y. T. D., Lee, A. M., Ho, S. Y., Li, E. T. S., Lam, T. H., Fan, S. Y. S., & Yip, P. S. F. (2011). Who wants a slimmer body? The relationship between body weight status, education level and body shape dissatisfaction among young adults in Hong Kong. *BMC Public Health*, *11*(1), 835-844.
- Coelho, E. M., Fonseca, S. C., Pinto, G. S., & Mourão-Carvalho, M. I. (2016). Factors associated with body image dissatisfaction in Portuguese adolescents: Obesity, sports activity and TV watching. *Motricidade*, *12*(2), 18-26.
- Dohnt, H. K., & Tiggemann, M. (2006). Body image concerns in young girls: The role of peers and media prior to adolescence. *Journal of Youth and Adolescence*, *35*(2), 135-151.
- Dye, H. (2016). Are there differences in gender, race, and age regarding body dissatisfaction? *Journal of Human Behavior in the Social Environment*, *26*(6), 499-508.
- Esnaola, I., Rodríguez, A., & Goñi, A. (2010). Body dissatisfaction and perceived sociocultural pressures: gender and age differences. *Salud Mental*, *33*(1), 21-29.
- Farrow, C. V., & Tarrant, M. (2009). Weight-based discrimination, body dissatisfaction and emotional eating: The role of perceived social consensus. *Psychology and Health*, *24*(9), 1021-1034.

- Fuller-tyszkiewicz, M., Skouteris, H., McCabe, M., Mussap, A., Mellor, D., & Ricciardelli, L. (2012). An evaluation of equivalence in body dissatisfaction measurement across cultures. *Journal of Personality Assessment, 94*(4), 410–417.
- Fung, S. S. W., Stewart, S. M., Ho, S. Y., Wong, J. P. S., & Lam, T. H. (2010). Body dissatisfaction, maternal appraisal, and depressive symptoms in Hong Kong adolescents. *International Journal of Psychology, 45*(6), 453-460.
- Gardner, R. M., & Brown, D. L. (2011). Method of presentation and sex differences when using a revised figural drawing scale to measure body size estimation and dissatisfaction. *Perceptual and Motor Skills, 113*(3), 739-750.
- Góngora, V. C. (2014). Satisfaction with life, well-being, and meaning in life as protective factors of eating disorder symptoms and body dissatisfaction in adolescents. *Eating Disorders, 22*, 435-449.
- Grogan, S. (2008). Body image. *Understanding body dissatisfaction in men, women, and children* (2nd ed.). London: Routledge.
- Keery, H., Van den Berg, P., & Thompson, J. K. (2004). An evaluation of the tripartite influence model of body dissatisfaction and eating disturbance with adolescent girls. *Body Image, 1*, 237-251.
- Lawler, M., & Nixon, E. (2011). Body dissatisfaction among adolescent boys and girls: The effects of body mass, peer appearance culture and internalization of appearance ideals. *Journal Youth Adolescence, 40*, 59-71.
- Lewis, D. C., Medvedev, K., & Seponski, D. M. (2011). Awakening to the desires of older women: Deconstructing ageism within fashion magazines. *Journal of Aging Studies, 25*(2), 101-109.
- Littleton, H. L., & Ollendick, T. (2003). Negative body image and disordered eating behavior in children and adolescents: what places youth at risk and how can these problems be prevented? *Clinical Child and Family Psychology Review, 6*(1), 51-66.
- Mäkinen, M., Puukko-Viertomies, L., Lindberg, N., Siimes, M. A., & Aalberg, V. (2012). Body dissatisfaction and body mass in girls and boys transitioning from early to mid-adolescence: additional role of self-esteem and eating habits. *BMC Psychiatry, 12*, 35-43.
- McGuinness, S., & Taylor, J. E. (2016). Understanding body image dissatisfaction and disordered eating in midlife adults. *New Zealand Journal of Psychology, 45*(1), 4-12.
- Menon, V., & Demaray, M. K. (2013). Child and Adolescent Social Support Scale for healthy behaviors: Scale development and assessment of the relation between targeted social support and body size dissatisfaction. *Children's Health Care, 42*, 45-66.

- Olvera, N., McCarley, K., Rodriguez, A. X., Noor, N., & Hernández- Valero, M. A. (2015). Body image disturbances and predictors of body dissatisfaction among Hispanic and White preadolescents. *Journal of Research on Adolescence*, 25(4), 728-738.
- Ricciardelli, L. A., & McCabe, M. P. (2004). A biopsychosocial model of disordered eating and the pursuit of muscularity in adolescent boys. *Psychological bulletin*, 130(2), 179-205.
- Robinson, O. C., & Wright, G. R. (2013). The prevalence, types and perceived outcomes of crisis episodes in early adulthood and midlife: A structured retrospective-autobiographical study. *International Journal of Behavioral Development*, 37(5), 407-416.
- Rodgers, R. F., Faure, K., & Chabrol, H. (2009). Gender differences in parental influences on adolescent body dissatisfaction and disordered eating. *Sex Roles*, 61(11-12), 837-849.
- Thompson, J. K. & Stice, E. (2001). Thin-ideal internalization: Mounting evidence for a new risk factor for body-image disturbance and eating pathology. *Current Directions in Psychological Science*, 10, 181-183.
- Tiggemann, M. (2004). Body image across the adult life span: Stability and change. *Body Image*, 1(1), 29-41.
- Tiggemann, M., & Lynch, J. E. (2001). Body image across the life span in adult women: The role of self objectification. *Developmental Psychology*, 37(2), 243-253.
- Verplanken, B., & Tangelder, Y. (2011). No body is perfect: The significance of habitual negative thinking about appearance for body dissatisfaction, eating disorder propensity, self-esteem and snacking. *Psychology and Health*, 26(6), 685-701.
- Verplanken, B., & Velsvik, R. (2008). Habitual negative body image thinking as psychological risk factor in adolescents. *Body Image*, 5, 133-140.
- Wang, Y., Liang, H., & Chen, X. (2009). Measured body mass index, body weight perception, dissatisfaction and control practices in urban, low-income African American adolescents. *BMC Public Health*, 9(1), 183-195.